

**MESYUARAT KEDUA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI AHAD, 26 JUN 2022, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 1 (A97)**

Kebanyakan Sekolah Agama Negeri Johor tidak mempunyai kewangan yang kukuh yang menyebabkan banyak perkara yang dilihat tertinggal berbanding dengan sekolah dibawah KPM, apakah Kerajaan Negeri boleh menambah peruntukan kepada Sekolah Agama Johor supaya mereka berdaya saing?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 2 (A156)**

Apakah tindakan KPM dalam menangani isu capaian Internet bagi menyediakan iklim pembelajaran yang kondusif? Kerana kebiasaannya, capaian Internet terhad dalam kawasan pejabat dan makmal komputer sahaja.

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 3 (A135)**

Mohon untuk dinyatakan apakah pelan kerajaan untuk memperbaiki dan menambah jumlah tempat letak kereta di Hospital Sultan Ismail?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 4 (A24)**

Nyatakan langkah kerajaan untuk menyelesaikan isu penyelenggaraan lif dan kemudahan awam di Blok Panglima A, Pangsapuri Bukit Saujana.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 5 (A168)**

Projek pembinaan jalan penghubung antara Jalan Tg. Labuh - Jalan Kluang melalui Kg. Rahmat dijangka awal siap pada tahun 2020. Apakah status

projek pembinaan jalan ini dan mengapa ia tertangguh terlalu lama, serta bilakah jangkaan ia siap sepenuhnya untuk pengguna?

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 6 (A131)

Apakah inisiatif kerajaan negeri Johor bagi menarik golongan pelabur dalam kalangan pengusaha industri berkaitan pusat data dan pengkomputeran awam dan membekalkan peluang pekerjaan bagi warga tempatan di “The Sedenak Tech Park (STeP)” dahulunya dikenali sebagai Kulai Iskandar Data Exchange (KIDEX)?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 7 (A27)

Ketika rakyat sedang mengharungi Pasca COVID-19, adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat membuat kajian semula untuk kelayakan/kriteria untuk memohon bantuan JKM?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 8 (A51)

Minta dinyatakan apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam membantu memperkasa penternak-penternak kecil yang tidak pernah mendapat bantuan kerajaan terutama bagi memastikan jaminan bekalan makanan di Negeri Johor.

YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 9 (A83)

Pengurusan sampah domestik, industri dan sisa binaan. Kawasan pelupusan yang jauh dan kos yang tinggi menyebabkan wujud kawasan pelupusan sampah haram dan berlakunya kebakaran. Apakah perancangan kerajaan dalam menyediakan sistem dan teknologi pelupusan sampah supaya dapat diuruskan secara berkesan dan lestari?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 10 (A106)

Apakah status program pengagihan kit ujian sendiri Covid-19 kepada isi rumah yang memerlukan di setiap YB ADUN mengikut perancangan pada Belanjawan 2022?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)

SOALAN 11 (A4)

Segamat merupakan penyambung ke Pantai Timur dan juga ke selatan Johor. Ia mempunyai potensi perkembangan ekonomi yang amat tinggi. Berhubungan ini, adakah sebarang rancangan untuk membina exit toll lebuh raya Utara-Selatan di kawasan Segamat untuk meningkatkan efisiensi dan perkembangan ekonomi tempatan.

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 12 (A163)

Rakyat menghadapi kekurangan barang keperluan seperti ayam, tepung, gula, minyak, daging dan sayur-sayuran. Apakah tindakan kerajaan Negeri Johor dalam mengatasi hak keperluan rakyat tersebut?

YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 13 (A160)

Pada tahun 2018, kerajaan Negeri telah melancarkan Taman Perumahan Islam Johor di Maharani. Apakah status dan perkembangan Taman Perumahan Islam tersebut, kerana sehingga sekarang masih tiada pembinaan? Rujuk kepada Sidang Dewan Mac 2018.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 14 (A72)

Apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang kerajaan negeri untuk membela nasib nelayan kecil yang terhimpit berikutan kekurangan hasil tangkapan di perairan Johor berikutan daripada kepesatan aktiviti pembangunan di kawasan pantai.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 15 (A39)

Bagaimanakah Johor Economic, Tourism and Cultural Office (JETCO) di Singapura mampu membantu dan membentuk golongan belia negeri Johor?

YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)
SOALAN 16 (A124)

Adakah kerajaan ada perancangan untuk pelebaran Jalan Persekutuan J206 Jalan Tanjung Semberong, Mukim Tanjung Semberong Batu Pahat?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 17 (A35)

Apakah pelan halatuju pihak Kerajaan Negeri Johor untuk menangani masalah banjir di daerah Johor Bahru yang merupakan lokasi tumpuan berisiko banjir tertinggi berdasarkan kepada perkembangan perubahan iklim dan taburan hujan semasa?

YB TUAN HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 18 (A78)

Masalah kesesakan trafik yang kritikal pada waktu puncak iaitu waktu pagi dan petang di laluan yang berikut:

- 1)Jalan Skudai-Pontian,
- 2)Simpang Empat Taman Pulai Jaya, dan
- 3)Jalan Ulu-Choh Gelang Patah.

Apakah tindakan segera dan perancangan jangkamasa panjang kerajaan?

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 19 (A1)

Memandangkan Jementah merupakan salah satu port pertanian yang sangat penting dalam inisiatif pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, apakah status perkembangan program tersebut?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 20 (A155)

Apakah inisiatif yang telah dan akan dilakukan oleh KPM untuk mengatasi isu keselamatan pendawaian elektrik di sekolah-sekolah dalam kawasan FELDA? Kerana kebanyakan sekolah dibina pada era 70an dan masih menggunakan pendawaian single phase yang mengakibatkan kerap berlakunya trip elektrik.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 21 (A38)

Bagaimanakah pihak Kerajaan Negeri Johor memastikan keberkesanan organisasi Badan Pengurusan Bersama (JMB) untuk mensejahterakan kehidupan penduduk di perumahan bertingkat?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 22 (A139)

Nyatakan rancangan untuk menyelesaikan masalah gelandangan khususnya penempatan warga emas dan status pembinaan semula atau naik taraf rumah Seri kenangan.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 23 (A100)

Adakah semua peruntukkan Marris diuruskan oleh konsesi SAFWA, apakah asas pemilihan konsesi tersebut dan pencapaiannya sehingga kini?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 24 (A114)

Minta dinyatakan perincian pelan tindakan (blueprint) yang terkini oleh Kerajaan Negeri dalam usaha memperbaiki dan memperkasa Program Keselamatan Makanan Negeri Johor sedia ada?

YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 25 (A134)

Adakah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri boleh menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi merangka pelan mesra OKU untuk menjadikan Johor sebagai negeri contoh mesra OKU?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 26 (A16)

Adakah kerajaan bersedia atau merancang untuk membuka semula Pantai Rekreasi Telok Arong memandangkan ketika ini pantai itu tidak dibuka kepada orang awam sejak sekian lamanya?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 27 (A108)

Berapakah jumlah pelancong yang telah menebus Baucer Pelancongan Johor mengikut perancangan pada Belanjawan 2022 setakat ini?

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 28 (A15)

Masalah gajah dalam kawasan DUN sekian lama telah dibangkitkan di dalam Dewan mulia ini, jadi bilakah isu ini dapat diselesaikan memandangkan masalah ini semakin meruncing dan mengancam penduduk kampung?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 29 (A142)

Nyatakan statistik jenayah komersial termasuk bilangan kes, amaun terlibat, kes didakwa, dan lain lain mengikut kategori dan daerah bagi tahun 2017, 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 30 (A67)

Sila nyatakan jumlah kes gangguan bekalan air yang telah berlaku mengikut daerah sejak 1 Januari 2022 sehingga sekarang dan sebabnya.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 31 (A183)

Mohon pihak Ranhill SAJ mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah tekanan air yang rendah di Kampung Bukit Banang yang masih tidak mendapat bekalan air bersih. Begitu juga halnya di Kampung Teluk Buloh yang menghadapi masalah ketiadaan paip air.

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 32 (A41)

Sila nyatakan butiran bagi projek “Bantuan Beras Bangsa Johor” dengan memberi maklumat mengenai pembekal beras, kos beras dan kos logistik terlibat, serta bilangan penerima dan peratusan penerima beras mengikut DUN setakat 31 Mei 2022.

4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR.

----- (Penggulungan YAB Menteri Besar Johor) -----

5. RUNDINGAN-RUNDINGAN

- 5.1 Rundingan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor.
- 5.2 Rundingan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri.
- 5.3 Rundingan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Impak Pertambahan Pengundi.
- 5.4 Rundingan mengenai Penubuhan Jawatankuasa Kira-Kira Raya.
- 5.5 Rundingan mengenai pemilihan Ahli Dewan Negara.

6. RANG UNDANG-UNDANG

- Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2022

Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.